

“UMS-PARANGKANG” MENGELILINGI PERAIRAN SABAH

The New Sabah Times, ms.6, 14 April 2009

Utusan Borneo, ms.3, 14 April 2009

oleh JAKARIA DASAN

Pada tahun 2009 ini, UMS turut memeriahkan lagi sambutan Pesta Regatta Lepa di Semporna dengan ekspedisi pelayaran mengelilingi Sabah menggunakan bot UMS-Parangkang. Dengan tema “sejarah mencipta sejarah” bot tradisi yang tidak lagi digunakan pada masakini telah dibina khas menggunakan peruntukan penyelidikan FRGS Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang akan membawa seramai enam orang pelayar bermula dari Semporna pada 18 April 2009 sehinggalah ke Sipitang pada 12 Mei 2009. Uniknyanya ekspedisi ini ialah kerana pergerakan bot ini adalah sebahagian besarnya menggunakan layar yakni kuasa angin. Sekali-sekala iaitu hanya jika berhadapan dengan tiupan angin yang berlawanan, maka ianya akan menggunakan kuasa enjin. Ekspedisi ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ismail Ali, pensyarah Sekolah Sains Sosial UMS dan lima orang yang lain iaitu, En Mosli Tarsat (UMS), L/Kpl Hasanah Salleh Bandan (Polis Marin Semporna), Mustafa Ambuton, Mohd Faizal Maksal, dan Amit Ambuton. Jika tidak menghadapi halangan besar, pelayaran ini akan mengambil masa selama hampir sebulan berdasarkan keadaan cuaca dan laut.

Menurut ketua projek dan ketua pelayar, Dr Ismail, projek ini merupakan suatu inisiatif mengembalikan semula kegemilangan masyarakat pelaut khususnya suku Bajau laut di Semporna yang suatu ketika dahulu menggunakan perahu bukan hanya sebagai pengangkutan menangkap ikan dan berniaga, malahan juga menjadikannya sebagai rumah tempat berlindung. Sehingga kini belum lagi ada satu bukti sahih yang menunjukkan secara tepat bila dan dimanakah bermulanya budaya berperahu di Sabah. Rekod sejarah menunjukkan bahawa pembinaan dan penggunaan perahu secara formal sebagai sebahagian daripada budaya hidup masyarakat telah wujud kira-kira 500 tahun dahulu. Khususnya pada era Kesultanan Sulu (Jolo) iaitu setelah berjaya mendapatkan tanah jajahan di utara dan pantai timur Sabah daripada Kesultanan Brunei.

Pada zaman itu, pembesar-pembesar Taosug telah menjadikan pelbagai jenis perahu seperti garay, barangayan, salisipan, kora-kora, lepa-lepa, parangkang dan sebagainya mengharungi Laut Sulu dan Laut Sulawesi bagi mengangkut hasil dagang mereka. Selain itu, perahu ini juga menjadi lambang kekuasaan para pembesar ini. Secara tidak langsung kedatangan dan pembukaan penempatan oleh pembesar-pembesar Taosug dan suku Bajau laut yang berasal dari selatan Kepulauan Filipina secara tidak langsung telah memperkenalkan dan mengembangkan seni berperahu di Sabah yang akhirnya menjadi sebahagian daripada budaya hidup komuniti Bajau yang menetap di kawasan pesisir pantai dan pulau di Sabah pada masa kini. Hari ini selain perahu lepa-lepa, masyarakat wajar mengetahui satu lagi jenis perahu tradisi yang dinamakan Parangkang.

Pembinaan bot ini adalah berkonsepkan hybrid di antara bot parangkang, lepa-lepa dan bogo yang mempunyai cadik atau sayap dan layar dengan sedikit pengubahsuaian sesuai dengan keperluan ekspedisi. Panjang bot ialah 35 kaki dan 9 kaki lebar. Ianya diperbuat sepenuhnya

daripada papan (kayu). Ekspedisi mengelilingi Sabah diadakan bertujuan untuk mengimbuai dan menjejaki semula sejarah kegemilangan pelayaran bot parangkang di perairan Sabah khasnya dan kepulauan Borneo amnya. Sepanjang pelayaran ini, UMS-Parangkang akan mendarat di beberapa tempat/pulau. Dimana ahli-ahli ekspedisi akan mengagih-agihkan bahan-bahan bantuan yang dibawa bersama. Melalui interaksi dengan masyarakat itu kelak, sesi jejak sejarah parangkang akan diadakan melalui perkongsian pengalaman dengan masyarakat berkenaan.

Ekspedisi mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Selain memartabatkan tradisi dan menjejaki sejarah warisan, pelayaran yang dilakukan oleh enam orang ahli pelayaran ini memaparkan mengenai ketabahan dan semangat yakin boleh di kalangan rakyat Malaysia. Biar pun struktur binaannya diperbuat daripada bahan kayu dan hampir bersandarkan sepenuhnya kepada kuasa layar, namun keberanian, tekad dan azam yang ditunjukkan oleh mereka yang terlibat wajar disanjung tinggi. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah adalah penganjur bersama projek ini. Semasa mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian tersebut, YB Datuk Elron Alfred Angian, Pembantu Menteri, telah menyentuh mengenai simbolik ekspedisi ini sebagai suatu ekspedisi yang turut sama menyedarkan masyarakat akan peri pentingnya kita menjaga kebersihan laut kita. Ini adalah kerana laut sejak dahulu sehingga kini turut merupakan sumber kehidupan masyarakat kita. Jika kebersihan laut tidak dipelihara, maka bukan sahaja ia boleh menghadirkan bencana, malah akan menyebabkan pupusnya sumber makanan laut yang amat penting kepada proses tumbesaran manusia.

Dalam kunjungan tersebut, Prof. Dr Rosnah Ismail, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, selaku wakil Naib Canselor, memaklumkan bahawa UMS sentiasa komited dalam usaha-usaha penyelidikan demi untuk kebaikan manusia sejagat. Walau pun ekspedisi ini mungkin dilihat seolah-olah suatu aktiviti pelayaran biasa, tetapi sebenarnya impak pelayaran adalah lebih besar. Setidak-tidaknya pelayaran itu kelak akan menjadi sumber bahan pengajaran khususnya kepada mahasiswa-mahasiswi UMS. Di samping itu, di sepanjang perhentian bot itu, masyarakat pulau khususnya akan mendapat penerangan mengenai kewujudan dan fungsi UMS dalam konteks menjadikan masyarakat kita masyarakat yang celik ilmu dan sentiasa terdorong untuk maju bersama peredaran zaman.

Ekspedisi pelayaran mengelilingi Sabah sewajarnya dilihat sebagai suatu ekspedisi berani dan unik serta menjadi sebutan masyarakat negeri ini khususnya. Ini adalah kerana, pelayaran ini hanya menggunakan bot kecil dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kuasa enjin. Hanya keazaman, keberanian dan kuasa Tuhan yang akan mengiringi kejayaan ekspedisi ini. Semuanya menjadi pegangan enam orang ahli pelayaran bot UMS-Parangkang. Sesuatu yang mengkagumkan akan dimulakan pada 18 April 2009 di Regatta Lepa Semporna. Dan sesuatu yang lebih mengkagumkan tatkala tibanya bot UMS-Parangkang di Jeti UMS pada 15 Mei 2009. Semoga ekspedisi ini selamat sampai. Sama-sama kita doakan.